

Kita kurang kesedaran halang zina berleluasa

Keluarga, masyarakat sepatutnya mainkan peranan penting halang remaja lelaki, perempuan bersosial keterlaluan

Nik Salida Shuhaila

salidasuhaila99@yahoo.com



REMAJA hamil, bersalin seorang diri dan membunuh anak kandungnya tidak begitu mengejutkan lagi. Tugas pihak berkuasa pula menahan 'ibu' itu dan memungut bahan bukti. Hasil siasatan pula selalunya memihak kepada apa yang disyaki. Malangnya, si 'bapa' selalunya terlepas daripada buruan hukuman dan umpat keji. Beberapa tahun dulu, situasi begini amat asing sekali di sini. Ia hanya menjadi berita dari luar negara, walaupun tetap mengundang marah dan belas, ia tidak seperti apabila jenayah ini dilakukan di negara ini.

Perbuatan ini boleh disamakan dengan pembunuhan, yang balasannya juga nyawa, mengikut hukum Tuhan. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Isra ayat 33 tafsirnya bermaksud: "Dan janganlah kamu membunuh diri seseorang manusia yang diharamkan oleh Allah membunuhnya kecuali dengan alasan yang benar." Namun hari ini, bayi yang masih bertali pusat dipungut bagai mengutip sampah-sarap di tepi jalan. Ada yang dihurung semut dan serangga, tidak kurang pula yang menjadi makanan binatang liar.

Bukanlah tidak tahu hikmah larangan zina, malah akibat buruknya juga terzhahir di mana-mana

saja. Pembunuhan bayi bertitik tolak daripada pelanggaran perintah Allah yang satu ini juga. Walaupun Islam telah menggariskan cara hidup yang sempurna dan merangkumi semua aspek kehidupan, ada segelintir yang mahu melanggar, maka timbullah pelbagai kejadian yang tidak diinginkan dan tidak dapat diterima oleh fitrah manusia. Anak lahir tanpa bapa, tiada bimbingan yang sempurna daripada seorang yang bergelar pemimpin keluarga, malah hal ehwal ekonomi juga menjadi halangan dalam tarbiyyah mereka.

Zina ialah perbuatan keji yang boleh mengaibkan pemilik maruah diri, keluarga dan agama. Zina juga membawa kerosakan ke atas muka bumi dan ia boleh dilihat dalam perkembangan sosial hari ini, hubungan sulit berlainan jantina tidak lagi menjadi asing dalam budaya hidup moden, menyebabkan janin digugurkan dan anak yang tidak syarie lahir tetapi keliru keturunan.



Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat yang membawa kerosakan

Surah Al-Isra
Ayat 32



● GAMBAR HIASAN

KINI perbuatan membuang bayi sama ada hidup atau sudah mati bagaikan tidak dapat dibendung.

Berzina sehingga melahirkan anak tidak syarie juga meninggalkan implikasi lain yang bersifat jangka panjang ke atas anak itu seperti rosaknya nasab. Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Isra ayat 32 tafsirnya bermaksud: "Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat yang membawa kerosakan." Buruknya akibat zina dapat dinilai melalui amaran Allah SWT dalam ayat itu supaya hamba-Nya tidak menghampiri sebarang perbuatan yang mendorong kepada perbuatan zina.

Kebanyakan pengamal zina hari ini tahu dan faham akan larangan itu tetapi tidak berusaha menjauhinya di samping ruang sosial yang

terbuka luas menyebabkan perbuatan terlarang ini tidak berusaha dielakkan. Tipisnya ilmu dan iman juga menyebabkan pengamalannya tidak berfikir dua kali, malah bisa dosa juga menjadi alah dengan kebiasaan.

Walau apa pun alasannya, mencari ruang kesalahan tidak cukup untuk membetulkan keadaan, sebaliknya setiap ahli masyarakat perlu memainkan peranan yang sepatutnya untuk tidak membenarkan perbuatan zina berlaku di mana-mana, baik di rumah sendiri, di bilik hotel, di asrama, di dalam semak atau di rumah tumpangan. Mengharapkan sehingga setiap individu mempunyai kesedaran tentulah tidak merancakkan langkah pencegahan, walaupun itulah yang

terbaik untuk mengatasinya. Sekurang-kurangnya, jika zina boleh dianggap sebagai najis, jijik dan hina, tentulah manusia yang normal tidak akan menghampirinya, apatah lagi melakukannya kerana fitrah manusia tidak sukakan kotoran dan najis.

Firman Allah SWT dalam Surah Ali 'Imran ayat 104 bermaksud: "Dan hendaklah ada di antara kamu puak yang menyeru berdakwah kepada kebajikan mengembangkan Islam dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik serta melarang daripada segala yang salah, buruk dan keji, dan mereka yang bersifat demikian ialah orang yang berjaya." Sama ada lahir sebagai Muslim atau nekad menjadi Muslim, individu Islam tidak boleh menolak daripada berpegang teguh kepada ajaran al-Quran dan sunnah. Dengan berwiridkan kepada ajaran inilah setiap manusia tidak akan terpesong daripada kebenaran atau sesat akidahnya, sama ada melalui perkataan atau perbuatan.

Tanpa menolak bahawa perbuatan, jijik ini adalah kerana perempuan hari ini terlalu bebas dalam pergaulan, yang paling penting ialah mentarbiah golongan lelaki agar memanfaatkan keperkasaaan mental dan fizikal untuk melindungi perempuan daripada dizalimi sehingga mengakibatkan bertebarrannya anak tanpa bapa, bukan menjadikan perempuan sebagai mangsa nafsu buas yang harus dilampias. Justeru, untuk membina masyarakat yang kalis zina, binalah peribadi lelaki agar mereka menjadi mulia dan terpelihara.